

(6 Mac 2021) Sinar Harian, p. 11

Selangor kekal kes baharu tertinggi

83.9 peratus adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat Covid-19

KUALA LUMPUR

Sebanyak 2,154 kes harian baharu Covid-19 dilaporkan pada Jumaat, meningkat sedikit berbanding 2,063 kes pada Khamis.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, enam lagi kematian dilaporkan dalam tempoh 24 jam lalu menjadikan bilangan yang meninggal dunia akibat virus itu di Malaysia adalah seramai 1,159 orang.

“Kes sembuh yang dicatat hari ini (Jumaat) adalah seramai 3,275 orang, lebih tinggi daripada kes baharu yang dilaporkan,” katanya dalam kenyataan mengenai perkembangan

Covid-19 di sini pada Jumaat.

Menurutnya, dengan perkembangan terbaharu itu, jumlah kumulatif Covid-19 di Malaysia kini meningkat kepada 310,097 kes, manakala jumlah kumulatif sembuh adalah 286,904 kes, manakala bilangan kes aktif Covid-19 sebanyak 22,034 kes.

“Sebanyak 184 kes kini dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 87 orang memerlukan bantuan alat pernafasan,” katanya.



DR. NOOR HISHAM

Dr Noor Hisham berkata, Selangor kekal mencatat kes baharu paling tinggi iaitu 794 kes, diikuti Johor (463) dan Sarawak (250).

Menurutnya, sebanyak 666 kes di Selangor atau 83.9 peratus adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat Covid-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

“Sebanyak 10 kluster baharu dikenal pasti hari ini (Jumaat) dengan lapan kluster melibatkan tempat kerja dan masing-masing satu kluster

keagamaan dan kluster komuniti.


“Kluster baharu tempat kerja yang direkodkan ialah Tapak Bina Jalan Zamrud, Jalan Dato Sellathevan, Industri Cheras Jaya dan Meranti Utama di Selangor, Kampung Nyatoh di Selangor dan Negeri Sembilan, Persiaran Alam di Kuala Lumpur, Jalan Mutiara Barat di Kuala Lumpur dan Selangor serta Perusahaan 10 di Pulau Pinang,” katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kluster baharu komuniti pula dikesan di Kuala Punteh di Sabah, manakala kluster keagamaan di Jalan Senu di Perak. - Bernama


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 5 Mac 2021

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 307,943 kes kepada 310,097 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU
310,097	286,904	184	1,159	+2,154

